

04/10/1998

Rakyat perlu teruskan sokongan

LABUAN: Rakyat perlu meneruskan sokongan kepada kepemimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi mempercepatkan proses pemulihan ekonomi serta menjamin kestabilan politik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Apdal, berkata pergolakan politik dan kegawatan ekonomi yang dihadapi tidak harus dijadikan alasan untuk rakyat mengalihkan sokongan kepada pembangkang.

Ini, katanya, disebabkan parti pembangkang belum tentu dapat mengatasi masalah yang dihadapi itu.

"Sebagai rakyat yang cintakan keamanan dan kestabilan politik serta keutuhan ekonomi, rakyat perlu terus berdiri teguh di belakang BN dan Umno sebagai peneraju utama pemerintahan negara," katanya selepas menutup Kuiz Kenegaraan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan di Institut Perindustrian Labuan (ITI) di sini.

Turut hadir Ahli Parlimen Labuan, Datuk Abdol Mulok Awang Damit.

Shafie berkata, rakyat perlu memberi peluang kepada kerajaan terutama mahkamah untuk mengendalikan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam suasana aman tanpa menimbulkan kekecohan sehingga mengganggu perjalanan kes itu.

Katanya, pada masa sama rakyat harus memberikan sokongan padu kepada kepemimpinan kerajaan yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mentadbir negara ini dalam keadaan tenang.

"Kita perlu bersyukur kerana diberikan pasukan keselamatan terbaik dalam mengawasi keadaan yang berlaku ketika ini. Janganlah kita melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang negara kerana kita sendiri yang akan menanggung risikonya," katanya.

(END)